

25 JUL 1996
Cuepacs-Bantah
BUKA SEMULA PINTU RUNDINGAN, KATA CUEPACS

KUALA LUMPUR, 25 Julai (Bernama) -- Cuepacs hari ini meminta Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) supaya membuka semula pintu rundingan berhubung dua tuntutan yang masih belum selesai ketika rundingan mengenai pelarasan gaji tahun lalu.

Presiden Cuepacs Encik Mohamad Mat Jid berkata JPA telah memberi pelbagai alasan dalam rundingan tahun lalu sehingga kongres itu bersedia menggugurkan beberapa tuntutan tetapi pada masa yang sama JPA merahsiakan cadangan pemberian insentif khas pada pegawai pengurusan tertinggi kerajaan.

"Nampaknya keikhlasan Cuepacs ketika rundingan tahun lalu telah tidak dihargai," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat jawatankuasa di sini yang mengambil keputusan membantah tindakan kerajaan meluluskan insentif khas dan kenaikan beberapa elaun kepada pegawai jawatan utama sektor awam (JUSA) dan Gred Khas berkuatkuasa 1 Jan lepas.

Insentif khas dan kenaikan ganjaran baru antara RM500 dan RM4,000 itu diumumkan oleh Ketua Pengarah JPA Datuk Dr Mazlan Ahmad minggu lepas.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika ditanya mengenai kenaikan itu baru-baru ini berkata ia amat adil dan meminta Cuepacs supaya jangan mempertikaikan hak para pegawai itu.

Kenaikan itu melibatkan tambahan perbelanjaan RM46.36 juta setahun, iaitu RM16.46 juta bagi para pegawai JUSA dan Gred Khas manakala RM29.9 juta lagi untuk pegawai Gred 1 dan Gred 2.

Daripada keseluruhan jumlah itu, 800 pegawai JUSA dan Gred Khas mendapat insentif khas, kenaikan elaun dan pertambahan kemudahan antara RM500 dan RM4,000 manakala bagi pegawai Gred 1 dan 2, seramai 9,136 orang mendapat kenaikan ITP antara RM150 dan RM350 menjadikan RM700 bagi Gred 1 dan RM900 bagi Gred 2.

Mohamad berkata Cuepacs bukannya mempertikaikan hak para pegawai itu tetapi kesal kerana ia tidak pernah diberitahu mengenainya.

"Kita sentiasa cuba menjalin hubungan baik dengan kerajaan dan JPA tetapi apabila perkara sebesar itu dirahsiakan, kita amat dukacita dan berasa seperti telah diperdayakan," katanya.

Menurut beliau ketika Cuepacs meminta supaya jurang pendapatan antara para pegawai bawahan dan atasan dirapatkan, JPA memberikan pelbagai alasan termasuk pentingnya prinsip kesamarataan menjadi tunjang dalam rundingan pelarasan gaji itu.

Mohamad berkata, Cuepacs, tanpa mengetahui "muslihat" di sebalik alasan-alasan itu, telah secara ikhlas bersetuju supaya kenaikan yang diberikan kepada peringkat bawahan turut diberikan kepada pihak atasan.

Sehubungan itu, beliau berkata, kerajaan telah meluluskan beberapa kenaikan berdasarkan prinsip kesamarataan seperti kakitangan Kumpulan Sokongan mendapat kenaikan gaji sebanyak RM60, Kumpulan Pengurusan dan Profesional (RM90) dan Kumpulan Pengurusan Tertinggi (RM150) serta Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) sebanyak RM90 kepada Kumpulan Sokongan dan RM110 kepada Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Katanya, untuk mendapatkan kenaikan yang berkuatkuasa 1 Jan tahun lepas itu, Cuepacs telah bersedia menggugurkan beberapa tuntutan termasuk pembayaran pencen mengikut tempoh perkhidmatan dan penghapusan penggunaan Jadual Gaji Matriks.

Bagaimanapun, sekarang baru Cuepacs tahu bahawa JPA sebenarnya telah turut merangka cadangan kenaikan beberapa elaun dan insentif khas untuk

hampir 10,000 pegawai pengurusan tertinggi, katanya.

"Jadi sekarang kita minta supaya rundingan mengenai pencen dan Jadual Gaji Matriks diadakan semula. Kalau kerajaan boleh beri RM46 juta kepada pegawai tertinggi, kami juga mahukan prinsip kesamarataan digunakan sekarang," katanya sambil menganggarkan pembayaran pencen mengikut tempoh perkhidmatan hanya melibatkan perbelanjaan tambahan sebanyak RM20 juta setahun manakala penghapusan Jadual Gaji Matriks tidak melibatkan perbelanjaan tambahan.

Mohamad berkata, Cuepacs akan menyerahkan memorandum kepada Dr Mahathir Isnin ini mengenai tuntutan-tuntutan itu dan merayu supaya Perdana Menteri sudi menemui wakil kongres.

Katanya, memorandum itu, antara lain, meminta kerajaan memberikan ITP sekurang-kurangnya RM230 kepada semua kakitangannya dan menunaikan janji untuk turut membayar tunggakan ITP dari 1 Jan 1995 hingga Jun tahun ini kepada kira-kira 4,000 kakitangan kerajaan yang menduduki kuarters kerajaan secara percuma.

"Kita juga minta JPA menjelaskan siapa sebenarnya yang paling ramai meletakkan jawatan, sama ada pegawai JUSA atau pegawai Gred 1 dan Gred 2," katanya merujuk kepada statistik JPA yang menunjukkan seramai 2,403 pegawai profesional seperti pegawai perubatan, pakar perubatan, jurutera dan akitek telah meninggalkan perkhidmatan awam sejak 1990.

Katanya, kebanyakan mereka merupakan pegawai Gred 1 dan 2 tetapi yang paling banyak mendapat kenaikan dan insentif baru-baru ini adalah pegawai JUSA.

"Kita tidak berniat untuk memasukkan pasir dalam periuk nasi mereka tetapi kita harap JPA ikhlas jika ingin membantu kerajaan menghentikan "brain drain" sebenar dalam perkhidmatan awam," katanya. -- BERNAMA

AH OBA